



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**MERUBAH NARATIF DAN PERSPEKTIF UMUM ASAS KEPADA
MESEJ BAHAWA BUNUH DIRI BOLEH DICEGAH:
'UBAH TANGGAPAN, BINA HARAPAN'**

Kuching, 11 September 2025

YB Timbalan Menteri Kesihatan merasmikan Majlis Sambutan Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia 2025 yang disambut pada 10 September setiap tahun. Tema tahun ini - **'Ubah Tanggapan, Bina Harapan'** memfokus kepada usaha untuk merubah naratif atau perspektif masyarakat umum terhadap tingkah laku bunuh diri, mengurangkan stigma, dan lebih berempati kepada mereka yang mengalami masalah kesihatan mental dan tingkah laku bunuh diri membawa mesej cukup jelas bahawa bunuh diri boleh dicegah.

Statistik kes kematian akibat bunuh diri dalam negara sebagaimana dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan peningkatan yang berterusan dalam tempoh tiga (3) tahun lepas iaitu 1,114 kes pada tahun 2024 berbanding 1,087 kes pada tahun 2023 dan 981 kes pada tahun 2022. Peningkatan ini amat membimbangkan dan menuntut kerjasama strategik serta erat daripada semua pihak agar terus komited dalam memperkukuhkan strategi dan langkah-langkah yang diambil bagi menangani tingkah laku bunuh diri. Bagi setiap nyawa yang terkorban, dianggarkan 135 ahli keluarga atau rakan-rakan terkesan dan turut mengalami impak dari aspek emosi, sosial dan ekonomi (WHO 2023).

Inisiatif KKM Memperkukuhkan Pencegahan Tingkah Laku Bunuh Diri

KKM telah melaksanakan pelbagai aktiviti yang dirangkumkan menerusi **Program MySAVE** atau **Malaysia Suicide Voice of Hope** dan ini termasuklah:

- i. **Talian Bantuan Krisis Kesihatan Mental atau Talian HEAL (*Help with Empathy and Love*) 15555** yang memberi perkhidmatan tele-kaunseling dan dikendalikan sepenuhnya oleh **Pegawai Psikologi KKM**;
- ii. **Taklimat Pelaporan Media Selamat dan Bertanggungjawab Berkaitan Tingkah Laku Bunuh Diri** yang telah diberikan kepada pengamal media bertujuan meningkatkan kemahiran dalam pelaporan melalui media massa;

- iii. **Latihan kemahiran pengendalian tingkah laku bunuh diri untuk petugas barisan hadapan** telah dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah dalam tempoh tiga (3) tahun lepas secara berkala. Sehingga **Ogos 2025**, seramai **500 orang petugas** barisan hadapan pelbagai kategori telah dilatih; dan
- iv. **Sistem Registri Bunuh Diri dan Kematian Fatal Kebangsaan atau *National Suicide and Fatal Injury Registry Malaysia (NSFIRM)*** sedang dibangunkan dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2026.

Pada tahun ini , KKM bersama pihak berkepentingan telah mengambil inisiatif membangunkan **Garis Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Sokongan Pasca Kematian Akibat Bunuh Diri (Postvention)** bagi memberi panduan kepada penyedia perkhidmatan untuk **pelaksanaan sokongan dan intervensi kepada individu yang terkesan pasca insiden bunuh diri** termasuk ahli keluarga, rakan-rakan rapat dan rakan sekerja. Garis panduan ini dapat membantu dalam **menguruskan kesedihan (*grief management*)**, **mengurangkan risiko trauma berpanjangan**, serta **mencegah kejadian berulang (*suicide contagion*)** dalam kalangan mereka yang terkesan.

KKM juga menyeru kerjasama pihak media dalam menyebarkan **awareness (kesedaran)**, maklumat yang tepat dan mesej yang positif bagi **membantu advokasi berterusan untuk pencegahan tingkah laku bunuh diri** dalam kalangan masyarakat. Penyebaran mesej yang positif secara berterusan **berupaya mengubah naratif dan membina harapan** bahawa tingkah laku bunuh diri **boleh dicegah** dan individu yang terlibat tidak keseorangan di dalam menghadapi cabaran hidup. Masyarakat perlu bersama-sama memainkan peranan untuk menggalakkan individu yang mengalami masalah kesihatan mental mendapatkan bantuan awal dan seterusnya akan menghapuskan stigma terhadap kesihatan mental, penyakit mental dan tingkah laku bunuh diri. Ini selaras dengan nilai MADANI - *Ihsan*.

- TAMAT -

Dikeluarkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia

